Headline	Kerajaan negeri segera bina bonggol elak kemalangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	136 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,967

Kerajaan negeri segera bina bonggol elak kemalangan

SEKINCHAN - Kerajaan negeri memperuntukkan RM7,000 bagi membina bonggol di Jalan Rizab Selamat Parit 7, di sini.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, bonggol itu dibina bagi menangani kejadian kemalangan yang kerap berlaku di kawasan berkenaan.

Malah katanya, penduduk kerap merungut jalan itu sering menjadi laluan 'pecut' penunggang motosikal yang dikhuatiri boleh mendatangkan risiko keselamatan terhadap penduduk setempat.

"Kita memandang berat isu pembinaan bonggol ini. Banyak aduan diterima dan kerajaan negeri memandang serius aduan ini untuk bina bonggol segera," katanya.

Suee Lim berkata, pihaknya sentiasa memahami kehendak dan keperluan rakyat di kawasan itu bagi membuktikan kerajaan negeri memahami keperluan rakyat.

"Semua program yang dilaksanakan kerajaan negeri beri manfaat kepada semua rakyat," katanya.

Suee Lim (kanan) meninjau kerja-kerja pembinaan bonggol di Parit 7.

Powered by: isentia

Headline	Daroyah bukan superwoman		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	270 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,949
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,847

Daroyah bukan superwoman

DARI GERBANG SIDANG DUN

SIDANG DUN Selangor melabuhkan tirai semalam setelah lima hari berlangsung.

Tiada isu baru dibangkitkan selain isu-isu berulang dimainkan seperti Projek Langat 2, sampah, air percuma dan sedikit menarik perhatian adalah isu denggi yang mengambil masa dua jam dibahaskan.

Sudah pasti yang panas punggung adalah Dr Daroyah Alwi selaku Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga yang menjadi tumpuan isu denggi ini.

Sehinggakan dalam satu sidang media khas oleh Adun BN menggesa wakil rakyat dari Dun Sementa itu ditukar kepada Exco baru.

Adun Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsuddin Lias mendakwa Daroyah tidak menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mencari inisiatif untuk mencegah penularan wabak denggi yang disifatkan sebagai krisis besar di Selangor.

Namun begitu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika membahaskan usul mengenai wabak denggi terus mempertahankan Daroyah dikekalkan dengan alasan tiada keperluan menukar Exco baru.

Itu adalah hak menteri besar untuk melantik, menukar atau mengekalkan Exco pilihannya, kata penganalisis politik, Prof Madya Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani.

Persoalannya, tidak ramai YB yang mampu atau mahu menggalas tanggungjawab sebagaimana Daroyah memikul beban isu ini.

Umum ketahui Selangor mencatat kes kematian paling tinggi disebabkan denggi di Malaysia namun Daroyah masih dilihat mampu menerima tekanan meski diasak setiap hari.

Tetapi apakah hanya Daroyah sahaja yang perlu dipersalahkan dalam perkara ini dan bagaimana pula tanggungjawab Adun-adun yang menjaga kawasan mereka.

Wabak denggi adalah isu universal yang memerlukan kesedaran tinggi oleh semua pihak termasuk peranan pihak berkuasa tempatan sendiri.

Menggesa Daroyah ditukarkan dari portfolionya itu tidak akan menjadikan Selangor bebas berdepan dengan wabak denggi di Selangor.

Selagi sikap dan budaya menuding jari ini diteruskan oleh YB-YB di sidang Dun maka jangan harap isu ini mampu diselesaikan.

Jangan politikkan isu yang melibatkan nyawa. Mencari salah memang mudah, tetapi cadangan membina perlu diberi bagaimana isu denggi ini dapat diselesaikan.

Sebagaimana pendapat Adun Ijok, Dr Idris Ahmad berkata, denggi tidak akan dapat diatasi jika masalah sampah dan air bertakung masih berleluasa di Selangor.

Dua perkara tersebut adalah asas pembiakan denggi yang harus diberi tumpuan dan apakah masalah sampah juga Daroyah harus perlu fikirkan.

Sebagai Adun, harus bersikap bijaksana dalam menyelesaikan masalah. Itulah rakyat jelata mahukan hasil dari Sidang Dun kali ini.

Powered by: isentia

Headline	MPK rampas minuman keras		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm²
Journalist	Nor Azihan Md Ghazali	AdValue	RM 3,876
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,628

MPK rampas minuman keras

Tindakan dilakukan ke atas dua premis yang beroperasi tanpa kebenaran, nilai rampasan berjumlah RM18,000

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG – Majlis Perbandaran Klang (MPK) merampas pelbagai jenis minuman keras yang dianggarkan bernilai RM18,000 di dua kedai di Pekan Kapar, semalam.

Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, serbuan dilakukan anggota penguat kuasa di kedai serbaneka 24 jam dan sebuah kedai yang dijadikan kedai minuman yang terletak tidak jauh antara satu sama lain.

"Serbuan pertama sekitar jam 3.30 petang dilakukan di kedai serbaneka 24 jam dan kita merampas 310 botol minuman keras pelbagai saiz, jenama dan harga dengan nilai RM15,000.

"Serbuan kedua pula ke kedai minuman membabitkan rampasan 188 botol minuman keras yang dianggarkan bernilai RM3,000," katanya kepada pemberita ketika turun padang di lokasi semalam.

Menurutnya, kedua-dua kedai tersebut diserbu kerana beroperasi tanpa kebenaran MPK dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Klang.

"Berdasarkan siasatan, kedua-dua kedai tersebut baru beroperasi sekitar tiga hingga lima bulan lalu.

"Kedua-dua kedai berkenaan diberikan kompaun dan tempoh satu bulan untuk menuntut balik barang rampasan daripada MPK dengan syarat mereka mempunyai lesen serta dokumentasi yang lengkap," katanya.

Mohamad Yasid berkata, jika dalam tempoh itu mereka gagal, MPK akan mengambil tindakan melupuskan barangan yang dirampas.

"Mengikut Undang-undang Kecil, pesalah boleh dikenakan kompaun berjumlah RM1000, dan jika disabitkan kesalahan mereka boleh didenda tidak lebih RM2,000," katanya.

Dalam pada itu menurutnya, operasi tersebut dilakukan atas aduan orang ramai yang mendakwa botol-botol minuman keras dibuang merata-rata di sekitar Pekan Kapar hingga membahayakan keselamatan orang ramai.

"Justeru itu, kita terus ambil tindakan sedemikian kerana khuatir lebih banyak kedai yang menjual minuman keras tanpa lesen berkembang di kawasan ini," katanya.

> **"Serbuan kedua pula ke kedai minuman membabitkan rampasan 188 botol minuman keras yang dianggarkan bernilai RM3,000."** - Mohamad Yasid

Anggota penguatkuasa MPK melakukan rampasan ke atas minuman keras dalam serbuan di dua premis itu semalam.

Powered by: isentia

06 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 13 • Printed Size: 161.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,387.00
PR value: MYR 4,161.00 • Item ID: MY0025702289

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Remaja 16 tahun cari duit jadi 'runner' sindiket edar dadah

SHAH ALAM – Seorang remaja berusia 16 tahun sanggup menjadi 'runner' sindiket pengedaran dadah di sekitar Lembah Klang.

Remaja lelaki itu bersama sembilan lagi suspek ditahan dalam tiga serbuan berasingan oleh sepasukan pegawai dan anggota daripada Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di Petaling Jaya dan Sungai Buloh pada Jumaat lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor, Asisten Komisioner Amran Ramli berkata, remaja terbabit ditahan bersama dengan seorang lagi rakannya dalam serbuan pertama di Ara Damansara, kira-kira jam 5.40 petang.

Menurutnya, polis kemudian merampas dadah jenis ganja seberat 3,122 gram dianggar bernilai RM7,500 dalam bakul motosikal mereka.

"Polis percaya dadah ini akan diedar di kawasan sekitar Lembah Klang oleh remaja yang sudah tidak bersekolah tersebut yang merupakan 'runner' dalam sindiket ini," katanya.

Beliau berkata, hasil soal-siasat, polis kemudiannya menyerbu sebuah rumah di Kampung Baru Subang, Sungai Buloh kira-kira jam 7.15 petang dan berjaya menahan empat lelaki dan dua wanita dan merampas sebanyak 111 ketulan mampat dadah disyaki ganja yang dianggar bernilai RM277,500.

Katanya, pada hari yang sama kira-kira jam 7.15 petang, sebuah rumah di Saujana Utama, Sungai Buloh diserbu dan berjaya menahan dua lelaki tempatan termasuk dalang serta merampas dadah juga disyaki ganja seberat 606 gram bernilai RM1,300.

Mengulas lanjut, sindiket yang dipercayai aktif sejak awal tahun ini menjual bungkusan mampat dadah dengan harga RM2,600 di sekitar Lembah Klang. Malah, polis percaya sindiket yang memperoleh dadah dari negara jiran ini antara yang terbesar ditumpaskan di Selangor.

Amran (empat, kanan) melihat dadah disyaki ganja pada sidang media di IPK Selangor, semalam.

06 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nor Azihan Md Ghazali • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 265.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,876.00
PR value: MYR 11,628.00 • Item ID: MY0025702305

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

MPK rampas minuman keras

Tindakan dilakukan ke atas dua premis yang beroperasi tanpa kebenaran, nilai rampasan berjumlah RM18,000

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG – Majlis Perbandaran Klang (MPK) merampas pelbagai jenis minuman keras yang dianggarkan bernilai RM18,000 di dua kedai di Pekan Kapar, semalam.

Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, serbuan dilakukan anggota penguat kuasa di kedai serbaneka 24 jam dan sebuah kedai yang dijadikan kedai minuman yang terletak tidak jauh antara satu sama lain.

"Serbuan pertama sekitar jam 3.30 petang dilakukan di kedai serbaneka 24 jam dan kita merampas 310 botol minuman keras pelbagai saiz, jenama dan harga dengan nilai RM15,000.

"Serbuan kedua pula ke kedai minuman membabitkan rampasan 188 botol minuman keras yang dianggarkan bernilai RM3,000," katanya kepada pemberita ketika turun padang di lokasi semalam.

Menurutnya, kedua-dua kedai tersebut diserbu kerana beroperasi tanpa kebenaran MPK dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Klang.

"Berdasarkan siasatan, kedua-dua kedai tersebut baru beroperasi sekitar tiga hingga lima bulan lalu.

"Kedua-dua kedai berkenaan diberikan kompaun dan tempoh satu bulan untuk menuntut balik barang rampasan daripada MPK dengan syarat mereka mempunyai lesen serta dokumentasi yang lengkap," katanya.

Mohamad Yasid berkata, jika dalam tempoh itu mereka gagal, MPK akan mengambil tindakan melupuskan barangan yang dirampas.

"Mengikut Undang-undang Kecil, pesalah boleh dikenakan kompaun berjumlah RM1000, dan jika disabitkan kesalahan mereka boleh didenda tidak lebih RM2,000," katanya.

Dalam pada itu menurutnya, operasi tersebut dilakukan atas aduan orang ramai yang mendakwa botol-botol minuman keras dibuang merata-rata di sekitar Pekan Kapar hingga membahayakan keselamatan orang ramai.

"Justeru itu, kita terus ambil tindakan sedemikian kerana khuatir lebih banyak kedai yang menjual minuman keras tanpa lesen berkembang di kawasan ini," katanya.

> **"Serbuan kedua pula ke kedai minuman membabitkan rampasan 188 botol minuman keras yang dianggarkan bernilai RM3,000."** - Mohamad Yasid

Anggota penguatkuasa MPK melakukan rampasan ke atas minuman keras dalam serbuan di dua premis itu semalam.

06 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 781.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 11,422.00
PR value: MYR 34,266.00 • Item ID: MY0025702310

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

'Sampai bila kami nak bertahan?'

Penduduk Flat Danau Kota hadapi pelbagai masalah termasuk penyelenggaraan bangunan, keselamatan

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Pelbagai masalah yang timbul di Flat Danau Kota, Jalan Genting Klang, di sini, menyebabkan penduduk hidup dalam keadaan tidak tenteram.

Rata-rata melibatkan isu penyelenggaraan terutama kebersihan yang menyebabkan timbul rasa tidak selesa, selain isu keselamatan.

Seorang penduduk warga emas, M Lourtesmary, 79, berkata, dia sudah tinggal di situ selama 10 tahun dan keadaan semakin teruk sejak kira-kira empat tahun lalu disebabkan banyak unit yang disewa kepada orang luar terutama warga asing.

Menurutnya, yuran penyelenggaraan dibayar RM49 sebulan, namun tiada penambahbaikan.

"Kawasan sekitar sangat kotor termasuk di tangga, ada yang kencing dan berak di situ, lif juga bermasalah. Saya dah tak larat nak guna tangga untuk ke hospital. Pernah saya tak turun seminggu sebab masalah lif.

THAMIL SELVI

"Aduan pernah dibuat kepada pihak pengurusan tetapi tak ada tindakan. Sampai bila kami boleh tahan?" katanya.

Seorang lagi penduduk, Lian Bee Huat, 45, berkata, keadaan persekitaran yang kotor membimbangkan kerana boleh memberi kesan kepada kesihatan anaknya yang masih bayi.

Menurutnya, hak mereka sebagai penduduk di situ seperti diketepikan kerana terlalu banyak isu yang tidak ditangani.

"Masalah lif bukan baru. Pernah lif tak berhenti apabila sampai di aras bawah tetapi tiba-tiba naik dengan laju ke tingkat paling atas.

"Penduduk di sini juga turut berdepan masalah parkir. Boleh dikatakan lebih 50 kenderaan bukan milik penduduk tetapi orang luar. Sepatutnya pihak pengurusan buat sesuatu untuk kawal kemasukan kenderaan luar," katanya.

Jadi sarang penagih

Selain isu kebersihan dan lif, turut membimbangkan adalah masalah penagih dadah yang menjadikan kawasan perumahan itu sebagai tempat melepaskan gian.

Suri rumah, Thamil Selvi, 45, berkata, ada antara mereka yang turut membawa orang luar.

"Kawasan jadi terlalu kotor. Saya sendiri tak boleh berdepan dengan bau busuk, saya akan pening dan muntah. Kehadiran orang luar juga menyebabkan saya rasa tak selamat," katanya.

Manakala, R Sartha, 68, pernah berdepan pengalaman hilang pakaian termasuk baju dan seluar dalam yang dijemur dipercayai angkara mat gian.

"Sekarang dah tak boleh jemur baju di luar. Mesti akan hilang, begitu juga dengan kasut," katanya.

Bincang dengan pengurusan

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Kebajikan RS Berjaya Kuala Lumpur dan Selangor, P Mogana berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk berhubung masalah yang mereka hadapi sejak sekian lama.

Menurutnya, perkara dibangkitkan perlu diberi perhatian dan pihak pengurusan perlu mengambil kira kebajikan penduduk asal di situ.

"Banyak perkara yang perlu ditambah baik. Kemudahan tempat letak motosikal misalnya, jika ia dibina dengan sempurna penduduk boleh gunakan, dan tak mengganggu ruang letak kereta.

"Masalah lain adalah saluran air di koridor yang tidak dibina seperti sepatutnya. Air di setiap tingkat biasanya mengalir melalui saluran dalam bangunan, tapi ini tidak, ia mengalir terus ke bawah secara terbuka," katanya.

Mogana berkata, isu keselamatan yang dibangkitkan di situ juga perlu diberi perhatian dan sebuah pondok polis perlu ditempatkan di situ.

Katanya, pihaknya akan membawa perkara berkenaan untuk berbincang bersama pihak pengurusan.

REAKSI

"Saya bayar yuran penyelenggaraan secara konsisten tapi keadaan perumahan tidak bersih. Kadang-kala saya sendiri bersihkan." - **Penduduk, Lau Choon Moi, 62.**

"Masalah di flat ini bukan baru, dua tahun lalu tiada masalah. Pernah ada usaha untuk buat gotong-royong, tapi tak dapat sambutan penduduk dengan alasan mereka hanya menyewa di sini." - **Penduduk, Fatimah Leman, 69.**

Mogana menunjukkan masalah kebersihan yang tidak terurus di Flat Danau Kota, menyebabkan penduduk tidak selesa.

Kekotoran di bahagian tangga menimbulkan bau busuk.

Keadaan penduduk yang bersesak setiap kali mahu menggunakan lif

06 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 43 • Printed Size: 30.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 258.00
PR value: MYR 774.00 • Item ID: MY0025702321

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Denggi: Johor rekod lapan kematian

JOHOR BAHRU - Johor merekodkan lapan kematian bagi jumlah terkumpul kematian denggi dari awal tahun sehingga 2 April lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, angka itu menunjukkan peningkatan 100 peratus kematian berbanding tempoh sama iaitu empat kematian tahun lalu.

"Sehingga 2 April lalu, Johor negeri kedua tertinggi kes denggi di Malaysia selepas Selangor, dengan jumlah 5,309 kes," katanya.

06 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 239.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,495.38
PR value: MYR 10,486.14 • Item ID: MY0025702313

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Kesak bantu basmi musuh tanaman

Sebahagian penduduk merakam kenangan bersama sempena Operasi Membanteras Musuh Tanaman dan Gotong-royong Dewan Seri Melati, Kampung Sungai Tengi Kanan Darat.

TANJONG KARANG – Masalah gangguan haiwan perosak yang membelenggu penduduk Kampung Sungai Tengi Kanan Darat mendapat perhatian Kelab Sukan dan Kebajikan Penduduk Sungai Tengi Kanan Darat (Kesak).

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dinaungi mantan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, Datuk Mohd Bahrudin Mahfuz itu terpanggil mengadakan operasi membanteras musuh tanaman dengan kerjasama agensi berkaitan.

Pengerusi Kesak, Arbaie Sahlan berkata, inisiatif melaksanakan khidmat masyarakat ini bertujuan mengurangkan beban penduduk yang berdepan masalah monyet dan babi hutan.

"Kami berpakat dengan jawatankuasa kampung peringkat negeri dan persekutuan bergabung dengan agensi Perhilitan Kuala Selangor/Sabak Bernam, Rela Daerah Kuala Selangor dan Unit Community Policing untuk menjayakan misi.

"Alhamdulillah sokongan turut diberikan penduduk kampung, nazir masjid dan pemimpin peringkat akar umbi," katanya pada Operasi Membanteras Musuh Tanaman dan Gotong-royong Dewan Seri Melati, Kampung Sungai Tengi Kanan Darat.

Katanya, inisiatif operasi membasmi musuh tanaman ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan keluhan penduduk yang berdepan kerugian akibat tanaman yang rosak saban tahun.

"Kesak turut mengambil pendekatan membersihkan dewan yang usang dan tidak digunakan lebih lapan tahun dengan sokongan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor.

"Sudah menjadi hasrat Kesak melihat dewan ini dapat digunakan semula memandangkan ia bersebelahan klinik kesihatan… Jadi kalau semak dan tidak terurus, mungkin mengundang bahaya.

"Lagipun kalau bersih dan tak semak, tandas dewan ini boleh digunakan pengunjung klinik… Lagipun lebih baik dewan ini dihidupkan semula untuk aktiviti masyarakat setempat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pahang terus sengsara, Sarawak akhirnya catat kemenangan

JDT kembali terajui liga

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
sukan@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU**

JOHOR Darul Ta'zim (JDT) hanya membenarkan Felda United berada di takhta Liga Super dalam tempoh 24 jam sebelum kembali merampas kedudukan pendahulu apabila menewaskan Perak 2-1 di Stadium Tan Sri Hassan Yunos, Larkin semalam.

Di awal babak pertama, skuad *Bos Gaurus* dilihat tidak berdepan tekanan bermain menentang pasukan berstatus bintang, JDT di depan lebih 20,000 penyokong mereka dengan mempamerkan permainan yang teratur.

Hasilnya, pasukan bimbingan Syamsul Mohd. Saad mengejutkan tuan rumah apabila terlebih dulu membuka jaringan menerusi rembatan deras Elias Fernandes De Oliveira dari luar kotak penalti pada minit ke-17.

Bersambung babak kedua, JDT tidak menunggu lama untuk mendapatkan gol penyamaan hasil jaringan Juan Martin Lucero pada minit ke-47 menerusi sepakan penalti setelah dia dikasari oleh kapten Perak, Thiago Junio De Aquino.

Lima minit berselang, Lucero menambah gol kedua peribadinya dengan melakukan larian solo dari sayap kiri sebelum bijak menewaskan penjaga gawang, Muhd. Hafizul Hakim Khairul Nizam Jothy menerusi rembatan rendah pada minit ke-52.

Perlawanan tersebut juga menyaksikan Ketua Jurulatih Perak diarah meninggalkan kawasan padang kerana mempertikaikan keputusan pengadil yang melayangkan kad kuning kepada Amirul Azhan Aznan pada minit ke-72.

Beralih ke Stadium Bandaraya, Sarawak menamatkan kemarau kemenangan pada perlawanan keenam apabila bangkit menewaskan Pulau Pinang 2-1.

Harimau Kumbang terlebih dulu berada di depan menerusi jaringan Mathias Cordoba pada minit ke-26.

Kelebihan tersebut bagaimanapun tidak bertahan lama apabila skuad Bujang Senang bangkit menyamakan kedudukan hasil jaringan Gilmar Jose Silva pada minit ke-57 sebelum J. Parthiban melengkapkan kemenangan pada waktu kecederaan.

Perlawanan di Stadium Bandaraya juga dicemari aksi pembakaran suar dan tembakan mercun oleh penyokong tuan rumah sejurus kekalahan pasukan mereka.

Sementara itu, Pahang terus dirundung malang selepas mencatat kekalahan kelima berturut-turut apabila tewas 0-2 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Stadium Darul Makmur, Kuantan.

Biarpun perlawanan berlangsung seimbang, pasukan pelawat bijak memanfaatkan peluang untuk memperoleh dua gol melalui Muhd. Safuwan Baharuddin pada minit ke-38 dan Ali Ashfaq (minit ke-76).

LIGA SUPER
KEPUTUSAN

SELANGOR	2	KEDAH	2
P. PINANG	1	SARAWAK	2
TERENGGANU II	4	KELANTAN	2
JDT	2	PERAK	1
PAHANG	0	POLIS	2

LIGA PERDANA
KEPUTUSAN

MELAKA UNITED 3 UITM FC 1

PENJAGA gol Perak, Hafizul Hakim Khairul Nizam Jothy (jersi merah) cuba menghalang tandukan pemain JDT, S.Chanthuru dalam perlawanan Liga Super di Stadium Tan Sri Hassan Yunos, Larkin, semalam. - BERNAMA

PEMAIN tengah Kedah, Sandro Da Silva (tengah) cuba melepasi halangan pertahanan Selangor dalam aksi Liga Super di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Lang Merah rencat hajat *Red Giants*

KUALA LUMPUR - Sepakan penalti bintang import dari Brazil, Sandro Da Silva, 23 minit menuju penghujung permainan merencatkan misi Selangor untuk mengutip tiga mata penuh depan penyokong sendiri apabila diikat 2-2 oleh Kedah dalam aksi Liga Super di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, semalam.

Malah, dalam perlawanan yang diibaratkan seperti ulangan Piala Malaysia itu, skuad *Red Giants* dikejutkan seawal minit ketujuh apabila Mohd. Syazwan Zainon meletakkan Kedah di depan selepas merembat hantaran lintang Mohd. Rizal Ghazali.

Selangor, yang dikritik hebat ekoran prestasi hambar sejak beberapa minggu lalu bagaimanapun tidak menunggu lama untuk menyamakan kedudukan selepas pemain sayap lincah, R. Gopinathan melepaskan rembatan jarak dekat pada minit ke-29 setelah menerima hantaran Mohd. Azrif Nasrulhaq Badrul Hisham.

Selang empat minit kemudian, penyerang sensasi Selangor, Patrick Ronaldinho menceriakan penyokong Merah Kuning apabila meletakkan tuan rumah di depan setelah menolak hantaran Gopinathan untuk menewaskan Mohd. Farhan Abu Bakar.

Dalam perlawanan itu, jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan turut menurunkan pertahanan import dari Australia, Robert Cornthwaite dalam kesebelasan utama buat kali pertama selepas berehat panjang akibat kecederaan.

Kehadiran Cornthwaite memantapkan benteng Selangor, namun malangnya kesilapan bek kiri, Mohd. Raimi Md Noor menjatuhkan Da Silva pada minit ke-67 memusnahkan hajat *Red Giants* untuk mengutip tiga mata penuh apabila lawan dihadiahkan sepakan penalti dan Da Silva menyempurnakannya dengan baik.

"Kami kehilangan dua mata yang amat berharga. Pada babak pertama pemain beraksi dengan baik dan menunjukkan permainan yang bagus cuma momentum sedikit hilang pada babak kedua," kata Zainal.

Sementara itu, di **Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah**, Terengganu FC II melakar kemenangan pertama di laman sendiri dengan membenam Kelantan 4-2.

Pemain tengah, Dilshod Sharifudinov muncul wira apabila meledak dua gol buat *The Titans* masing-masing pada minit ke-19 dan 71.

Selepas mendahului 1-0 menerusi jaringan Sharifudinov, kesilapan penjaga gol, Wan Muhammad Azraie membawa padah apabila bola masuk ke gawang sendiri pada minit ke-28 untuk kedudukan 1-1.

Terengganu FC II bagaimanapun kembali di depan pada minit ke-37 hasil jaringan Patrick Dos Santos, tetapi Blazhe Ilioski menyamakan kedudukan 2-2 selang seminit kemudian.

Memasuki babak kedua, tuan rumah menguasai perlawanan dan memperoleh gol ketiga menerusi tandukan Konate Makan, sebelum Sharifudinov melengkapkan gol keempat.

Penjaga gol simpanan MU disambar petir

MELAKA - Penjaga gol simpanan Melaka United (MU), Marco Stefan Petrovski menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Melaka selepas tidak sedarkan diri akibat terkena panahan petir ketika menjalani latihan di Padang 10, Krubong, semalam.

Difahamkan ketika kejadian kira-kira 5 petang itu, Petrovski, 18, pemain naturalisasi Australia itu sedang menjalani latihan bersama skuad Piala Presiden MU di padang berkenaan.

Seorang lagi pemain Muhammad Afiq Azuan, 21, turut terkena panahan petir ketika sedang berlatih, bagaimanapun dia berada dalam keadaan sedar dan berada di bawah pemantauan Jabatan Kecemasan dan Trauma kerana dikatakan masih terkejut dengan kejadian itu.

Pengurus skuad Piala Presiden Melaka, Khairi Anuar Ahmad berkata, dalam kejadian tersebut jurulatih, G. Torairaju dan ahli fisioterapi pasukan, Ahmad Faisal Miswan turut terkena tempias panahan itu, namun masing-masing tidak mengalami kecederaan.

"Buat masa ini, Stefan belum sedarkan diri dan dalam pemerhatian pihak hospital. Kita difahamkan keadaannya stabil, manakala Muhammad Afiq masih ditahan kerana trauma dengan kejadian tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Dalam pada itu, Ahmad Faisal ketika ditemui berkata, kejadian berlaku ketika pemain berada di tepi padang dan di penghujung sesi latihan.

Katanya, cuaca ketika itu baik, namun hujan turun di pertengahan latihan.

"Ketika latihan hampir berakhir kira-kira jam 5 petang, tiba-tiba petir menyambar mereka menyebabkan Stefan dan Muhammad Afiq tercampak.

"Saya dan Torairaju yang ketika itu yang berada di belakang gawang terduduk, namun kami berdua tidak mengalami kecederaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan bolasepak Melaka United (MUSA), Datuk Yusoff Mahadi ketika ditemui mengesahkan kejadian itu.



MARCO STEFAN PETROVSKI

"Kita dimaklumkan Stefan masih dalam pemerhatian doktor dan dia masih tidak sedarkan diri ketika ini.

"Dia juga berada dalam skuad senior MU dan pernah disenaraikan sebagai penjaga gol simpanan dalam beberapa perlawanan.

"Namun hari ini dia menyertai latihan bersama skuad bawah 21 tahun.

"Penyertaannya dalam skuad ini bagi memperkuatkan pasukan dalam merebut Piala Presiden," katanya.

Stefan merupakan pemain naturalisasi dan ibunya adalah kelahiran Sabah. Pemain itu juga adalah bekas penjaga gol pasukan remaja kelab Olympic Sydney sebelum dilamar Melaka United.

PEMAIN Utusan FC, Sophian Jamaludin (kiri) melakukan rembatan sambil dicabar pemain MPPA FC, Osman Adnan dalam perlawanan Liga Bola Sepak Media di Majlis Sukan Malaysia (MSN), Ahad lalu. - UTUSAN/FARID JANUDIN

UTUSAN FC RAMPAS TAKHTA LIGA

UTUSAN FC merampas kedudukan teratas Liga Bola Sepak Media (MFL 2016) apabila mengutip mata penuh pada aksi kedua menentang pasukan Persatuan Jurugambar Profesional Malaysia (MPPA), baru-baru ini.

Dalam perlawanan itu yang berlangsung di Kompleks Sukan MSN Setiawangsa, Utusan FC mempamerkan corak permainan menarik walaupun beraksi dalam cuaca panas apabila mencatat kemenangan 3-0 menerusi jaringan Sophian Jamaludin, Mohd Hasriq Amiruddin dan Mohammad Rozaidi Zulkifli.

Kemenangan kedua berturut-turut itu membolehkan Utusan FC mengumpul enam mata untuk memintas kedudukan RTM FC yang masih kekurangan satu perlawanan.

Dalam satu lagi aksi liga, NSTP SC menang tipis ke atas Awani FC dengan keputusan 1-0, sekali gus berkongsi tiga mata dengan RTM FC dan hanya dipisahkan menerusi perbezaan gol.

LIGA BOLASEPAK MEDIA
KEDUDUKAN

	P	M	S	K	J	K	Mt
UTUSAN FC	**2**	**2**	**0**	**0**	**8**	**1**	**6**
RTM FC	1	1	0	0	6	0	3
NSTP SC	1	1	0	0	1	0	3
MPPA	1	0	0	1	0	3	0
BERNAMA	1	0	0	1	1	5	0
AWANI FC	2	0	0	2	0	7	0

PENYERANG Kuala Lumpur, Anselmo Arruda Da Silva (kanan) dihalang dua pemain Kuantan FA dalam perlawanan Liga Perdana di Stadium Darul Makmur, Kuantan, kelmarin. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

KUANTAN FA TERPAKSA TANGGUNG AKIBAT

KUANTAN FA menyifatkan kekalahan 1-2 kepada Kuala Lumpur dalam perlawanan Liga Perdana kelmarin adalah kesan pertama yang terpaksa ditanggung oleh kelab dari Pahang itu ekoran penggantungan tujuh bulan yang dikenakan terhadap jurulatih mereka, Zulhamizan Zakaria.

Pengurus pasukan, Datuk Wan Solihi Wan Hassan berkata, selain masalah itu, pasukan *The Seagulls* turut dihantui kecederaan yang dialami beberapa pemain utama menyebabkan mereka di Stadium Darul Makmur.

"Kita rasa sedikit malang kerana beberapa pemain utama mengalami kecederaan sehingga tidak dapat diturunkan.

"Ini menyebabkan Kuantan FA gagal beraksi dengan baik sehingga tewas 1-2 kepada Kuala Lumpur.

"Lebih memberi kesan apabila jurulatih, Zulhamizan Zakaria tidak berada di bangku pemain mengakibatkan moral dan permainan pasukan menurun," katanya selepas perlawanan kelmarin.

Menurut Wan Solihi, pihaknya akan membuat rayuan kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) untuk mengurangkan tempoh penggantungan jurulatih itu bagi meningkatkan kembali prestasi pasukannya yang kini terumbang-ambing.

"Kami merasakan hukuman penggantungan selama tujuh bulan ke atas Zulhamizan terlalu lama, jadi kami akan cuba membuat rayuan untuk dipendekkan kepada dua bulan," katanya.

Bulan lalu, Zulhamizan digantung oleh Jawatankuasa Tatatertib FAM selepas didapati bersalah mengeluarkan kata-kata kesat serta menunjukkan isyarat lucah terhadap pengadil semasa aksi antara Kuantan FA dan UiTM FC di Stadium UiTM FC, Shah Alam, 26 Februari lepas.

MALAYSIA TUAN RUMAH PIALA NEGARA-NEGARA

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) dan MP & Silva akan menganjurkan kejohanan Piala Negara-Negara buat julung kali dengan edisi pertama dijadualkan berlangsung dari 3-5 Jun depan.

Edisi pertama itu akan berlangsung di Stadium Hang Jebat, Melaka dan akan menampilkan pasukan bawah 21 tahun yang menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah kepada juara bertahan Sukan SEA, Thailand, Singapura dan Vietnam.

Piala Negara-Negara mensasarkan untuk menjadi kejohanan tahunan terulung yang menampilkan aksi bola sepak berkualiti buat skuad antarabangsa di Asia Tenggara. Bermatlamat untuk mempromosikan bola sepak antarabangsa di rantau ini.

Piala Negara-Negara Asia Tenggara akan melengkapkan kalendar bola sepak menjelang Sukan SEA 2017.

Setiausaha Agung FAM, Datuk

HAMIDIN MOHD. AMIN

Hamidin Mohd. Amin berkata, Piala Negara-Negara bakal menjanjikan cabaran yang besar buat pasukan kebangsaan.

"Pemain akan berdepan lawan sukar, terutama dari Thailand, Vietnam dan Singapura, yang akan membentuk persiapan pasukan kebangsaan bagi Sukan SEA.

"Kejohanan ini adalah permulaan dalam perancangan kami buat pasukan kebangsaan," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

A.SIVARAJAN (dua dari kiri) bersama-sama Badrul Hisham Shaharin (tiga dari kanan) dan Nik Aziz Afiq (kiri) menyerahkan memorandum bantahan kepada wakil pejabat Menteri Besar Selangor, Shahril Said di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

Lebuh raya: Azmin dianggap hipokrit

Oleh ABDUL YAZID ALIAS
pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 5 APRIL**

MENTERI Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali diingatkan supaya tidak memimpin secara hipokrit apabila meluluskan tanah bagi pembinaan tiga projek lebuh raya yang dikhuatiri mengundang kemusnahan lima hutan simpan di negeri ini.

Ingatan itu ditegaskan oleh Ketua Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), **Badrul Hisham Shaharin** yang menyifatkan pembinaan Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) dan Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (Dash) tidak sepatutnya diluluskan kerana pemeliharaan hutan simpan sedia ada juga melibatkan kepentingan rakyat.

Lima hutan simpan yang didakwa akan terjejas berikutan pelaksanaan tiga lebuh raya itu ialah Hutan Rimba Ampang, Hutan Ulu Gombak, Hutan Bukit Cerakah, Hutan Sungai Buloh dan Hutan Bukit Sungai Puteh.

"Apakah (kerajaan negeri) pada hari ini sama ada hipokrit atau bercakap mengenai politik berprinsip? Dahulu (sebelum pakatan pembangkang tiada kuasa), kita tiba di Sarawak, kita bercakap mengenai bantahan terhadap projek empangan dan janakuasa hidro di Baram meskipun hujah projek itu adalah untuk pembangunan dan keperluan masa depan.

"Ketika itu, kita lawan habis-habisan, kita gunakan hujah bahawa hutan-hutan perlu diselamatkan dan tanah-tanah penduduk tidak diambil untuk tujuan pembangunan. Tetapi pada hari ini, kita (pakatan pembangkang) ada kuasa mentadbir negeri, kita rogol hutan kita dan tidak ambil peduli pandangan daripada kelompok profesional, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat," katanya di lobi Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas bersama-sama Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia (PSM), **A. Sivarajan** menyerahkan memorandum kepada Mohamed Azmin berhubung bantahan pembinaan tiga lebuh raya terbabit kepada Pegawai Berita Pejabat Menteri Besar Selangor, Shahril Said, kira-kira pukul 10.30 pagi.

Memorandum bantahan yang dikemukakan kepada Menteri Besar itu mewakili 19 kumpulan termasuk parti politik, antaranya SAMM, PSM, Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), We Are Malaysians, Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (Empower) dan Community Development Centre (CDC).

Dalam pada itu, Badrul Hisham turut menempelak alasan kerajaan negeri sebelum ini yang mahu menggantikan semula hutan simpan yang dimusnahkan untuk tujuan pembinaan lebuh raya di negeri ini.

"Hutan simpan yang sedia ada di Selangor ini berusia beratus-ratus tahun. Isu hutan ini tolong jangan guna alasan kapitalis, ia boleh diganti," tegasnya.

Menurut beliau, pembinaan lebuh raya itu turut melanggari manifesto pakatan pembangkang sebelum ini yang melaung-laungkan mahu menghapuskan tol.

Perangi dadah di PPR, jangan hanya 'berpeluk tubuh'

ANALISIS
Roslah Othman

CUBA lihat keratan akhbar sebelah kanan ini. Itulah laporan diterbitkan *Utusan Malaysia* sejak dua tahun kebelakangan ini berhubung kegiatan menghidu gam dan penagihan dadah dalam kalangan penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kegiatan ini semakin serius dan membimbangkan.

Penagih terutama remaja PPR kini bukan sahaja dikesan melepaskan gian secara terbuka, tetapi paling menakutkan, urusan jual beli dijalankan dari rumah ke rumah.

Statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan 27 lokasi panas sekitar ibu negara dikenal pasti menjadi tumpuan pengedar dan penagih dadah. Kebanyakannya bertumpu di kawasan PPR dan PA.

Kerajaan sendiri bagaimanapun tidak berdiam diri terhadap isu tersebut kerana ia melibatkan golongan yang dianggap sebagai pemimpin masa depan negara.

Usaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan AADK meningkatkan penguatkuasaan ke atas penagihan dadah di kawasan PA dan PPR melalui siri operasi sepanjang tahun lalu berterusan tahun ini, dan ini sesuatu yang wajar dipuji.

Operasi bersepadu bagi membanteras dan menahan penagih serta pengedar yang turut melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan DBKL itu dijalankan di beberapa kawasan panas PPR terutama di PA Sri Sabah, PA San Peng, PPR Desa Rejang, dan PPR Beringin.

Bagi penulis, perjuangan memerangi dadah memerlukan penglibatan masyarakat secara total. Sikap suka menuding jari kepada pihak lain sebagai punca masalah sudah sampai masanya diubah. Sebaliknya, bersama memainkan peranan dalam memahami, mengambil tindakan dan menjadi barisan hadapan dalam menangani isu dadah di komuniti masing-masing.

Penglibatan seluruh ahli masyarakat bermula di rumah kerana ia adalah elemen utama dalam menjayakan misi negara bebas dadah.

Kita sebagai ibu bapa dan keluarga adalah entiti paling kecil dalam masyarakat yang perlu memainkan peranan paling serius dalam memastikan anak-anak tidak terlibat dengan gejala dadah.

Percayalah, kefahaman kita sebagai masyarakat terhadap tanggungjawab ini amat penting memandangkan usaha menangani gejala dadah bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata.

Setakat ini DBKL bercadang mahu mengusir penghuni PPR yang terlibat dalam kegiatan najis dadah. Tetapi sehingga kini nampaknya hanya 'hangat-hangat tahi ayam'.

KERATAN akhbar *Utusan Malaysia*.

SEBAHAGIAN daripada penagih dadah yang diberkas dalam operasi Banteras Aktiviti Haram oleh AADK di PPR Kampung Baru Ayer Panas, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SPRM perlu siasat MPAJ – Ikhlas

PUTRAJAYA 5 April - Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas) mahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan terhadap Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berikutan tindakan menutup operasi 21 peniaga di Bukit Ampang, Kuala Lumpur.

Presiden Ikhlas, Mohd. Ridzuan Abdullah berkata, siasatan terperinci juga perlu dilakukan terhadap Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz berhubung perkara itu kerana mereka mengambil sikap lepas tangan dan merestui tindakan MPAJ.

Beliau berkata, tindakan MPAJ menutup operasi 21 peniaga Melayu di kawasan itu amat meragukan kerana mereka mengambil keputusan secara melulu tanpa mengira nasib peniaga yang terlibat

"Peniaga yang terlibat telah menjalankan perniagaan di kawasan tersebut sejak lapan tahun lalu, campur tangan pihak SPRM diharapkan dapat memberi berita gembira dan keadilan kepada peniaga yang terlibat," katanya dalam sidang akhbar selepas menyerahkan memorandum kepada SPRM di sini hari ini.

Memorandum tersebut diterima oleh Pegawai Media Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, Iskandar Alang Zainudin.

Pada tahun lalu, deretan gerai yang terletak di pinggir jalan persimpangan Saujana Ampang, Bukit Ampang yang menempatkan lebih 21 peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sejak awal 2007 dirobohkan oleh MPAJ atas alasan tapak perniagaan itu terdedah kepada kemalangan ekoran berada di cerun.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Bukit Ampang Saujana, Anowar Omar menjelaskan jika aktiviti perniagaan di Bukit Ampang ditutup, alasan tapak perniagaan itu terdedah kepada kemalangan ekoran berada di cerun tidak boleh diterima dan alasan itu sengaja diadakan untuk mengelak pemberian lesen.

"Di kawasan Taman Muda dan Taman Saga juga terdapat aktiviti perniagaan di bahu jalan dan mereka diberikan lesen, jadi dalam hal ini mengapa kami tidak diberikan lesen, semua maklum kawasan berkenaan kini terkenal dan menjadi tumpuan ramai untuk melihat panorama ibu kota pada waktu malam," katanya.

info

PENIAGA BUKIT AMPANG

- 21 peniaga Melayu diarah tutup perniagaan.
- Berniaga sejak lapan tahun lalu.
- Dakwa Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz lepas tangan.
- MPAJ dakwa lokasi perniagaan itu terdedah kepada kemalangan kerana terletak di cerun.
- Persoal peniaga di Taman Muda dan Taman Saga berniaga di bahu jalan, namun diberikan lesen.

Pekerja amal nafi miliki kereta curi

KUALA LUMPUR 5 April - Seorang pekerja amal di pusat jagaan warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas tuduhan memiliki sebuah kereta curi bernilai RM40,000, bulan lalu.

Balwinderjit Singh, 36, didakwa memiliki kereta curi jenis Honda Accord warna perak, yang didaftarkan atas nama syarikat Okiru Travel & Tours Sdn. Bhd. di hadapan Balai Polis USJ 8, Persiaran Kewajipan, USJ 8, Subang Jaya pada pukul 4 petang, 31 Mac lalu.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan boleh dikenakan denda.

Pegawai Pendakwa, Inspektor Zuraimi Kamarozzaman yang mengendalikan pendakwaan tidak mencadangkan jaminan kerana ahli keluarga tertuduh tidak hadir ke mahkamah.

Balwinderjit yang tidak diwakili peguam pula memohon mahkamah membenarkan dia diikat jamin kerana bapa saudaranya bersedia untuk mengikat jaminnya.

Majistret Jesseca Daimis kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM2,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 5 Mei ini bagi sebutan semula kes.

ZAINUREN MOHD. NOR (tengah) beramah mesra dengan para pelajar yang menggunakan kemudahan Taman Teduhan Kasih untuk mengulang kaji pelajaran dalam pelancaran Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching di Semenyih, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Penglibatan sektor kerajaan, swasta, tingkatkan kualiti pendidikan

KUALA LUMPUR 5 April - Penglibatan agensi kerajaan dan swasta dalam bidang pendidikan sangat digalakkan bagi memastikan sektor itu terus mencapai tahap kualiti terbaik di peringkat dunia.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, Zainuren Mohd. Nor berkata, kerjasama daripada pelbagai pihak diyakini antara faktor yang merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Selain itu katanya, mereka turut boleh menjadi ejen dalam memastikan setiap pelajar memperoleh sumber pembelajaran berkualiti seiring kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang negara kecapi.

"Sumbangan ini menunjukkan bahawa negara mempunyai komuniti yang mempunyai kesedaran untuk membantu dalam meningkatkan prestasi pendidikan negara.

"Ini juga antara usaha yang efektif dalam meningkatkan jumlah pelajar yang mempunyai daya saing dan holistik, seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat menjelang 2020," katanya ketika berucap merasmikan Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) peringkat Selangor di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Rinching, Semenyih hari ini.

Yang turut hadir Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) Selangor, Nik Asma Nik Ahmad dan Pengetua SMK Bandar Rinching, Saliha Mansor.

KM1M merupakan sebuah program membaca serentak yang dianjurkan BTP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, melibatkan pelajar di seluruh negara dengan tujuan menggalakkan tabiat membaca.

Pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan menulis esei, mendeklamasi sajak, bercerita dan mewarna dijalankan di SMK Bandar Rinching yang menjadi tuan rumah untuk penganjurannya kali ini.

Sementara itu, Nik Asma berkata, pengetua-pengetua sekolah sekitar Selangor digalakkan sentiasa menganjurkan program yang menyemai sifat membaca dalam kalangan pelajar bagi memastikan peningkatan berterusan dalam bidang pendidikan.

"Ini merupakan pendekatan efektif dalam membantu pelajar memilih bahan bacaan berimpak positif terhadap pembelajaran mereka, selain terus memanfaatkan pusat sumber sekolah dengan berkesan," katanya.

Dua lelaki didakwa cuba rompak warga Bangladesh

KUALA LUMPUR 5 April - Seorang penjaga tempat letak kenderaan dan penganggur masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan cuba merompak seorang buruh binaan warganegara Bangladesh, Jumaat lalu.

Mohamad Yasri Azimi, 26, dan N. Thanjeev Kumar, 28, didakwa melakukan perbuatan itu terhadap mangsa yang hanya dikenali sebagai Md. Ohawder, 30, di tepi Jalan Tun Tan Cheng Lock, Dang Wangi pada pukul 9.30 malam, 1 April lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 393 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Hakim Balqis Aini Mohd. Ali menetapkan 28 April ini bagi sebutan semula kes setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Norakmal Farhan Aziz yang tidak mencadangkan jaminan terhadap kedua-dua tertuduh.

PEJALAN kaki juga berdepan risiko ketika melintas di lokasi jalan berlubang di Persiaran Budiman di Seksyen 25, Shah Alam, Selangor.

Kualiti jalan sangat teruk di merata tempat

Taman Seri Muda hilang 'seri'

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
kota@utusangroup.com.my

RANJAU KOTA

■ **SHAH ALAM 5 APRIL**

KAWASAN Taman Seri Muda di Seksyen 25, di sini berdepan masalah jalan raya yang rosak serta tidak sempurna dan memerlukan perhatian segera.

Kerosakan yang didapati berlaku di sekitar kawasan ini dikhuatiri membahayakan keselamatan pengguna jalan raya, terutama mereka yang pertama kali ke sini.

Menurut Pengerusi Alumni Gerakan Belia 4B Kota Raja, Muhd. Ali Zakariah, permukaan jalan berlubang, tidak rata dan turapan tidak sempurna itu difahamkan menjadi punca kemalangan jalan raya di situ.

"Lihatlah kualiti jalan di kawasan Seri Muda ini, jalan berlubang boleh menyebabkan kemalangan di waktu puncak semasa orang ramai sibuk ke tempat kerja dan menghantar anak ke sekolah.

"Seksyen 25 dari segi lokasi dilihat terpinggir sedikit dari Pusat Bandar Shah Alam yang mana keadaan itu mungkin itu menjadi punca penyelenggaraannya tidak diberikan perhatian pihak berwajib," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tinjauan mendapati ada kerosakan yang dibaik pulih namun kembali rosak dan diburukkan lagi dengan kehadiran kenderaan berat.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Sheila pula berpendapat, pihak industri di kawasan tersebut juga perlu bertanggungjawab.

Dia yang menetap di kawasan itu sejak kecil berkata, masalah jalan berlubang di Taman Seri Muda perlu diselesaikan segera kerana penduduk sudah bosan dengan sikap lepas tangan dan salah menyalah antara pihak itu dan pihak ini.

"Semua pihak perlu memikirkan nyawa orang ramai terancam dengan keadaan jalan raya sedemikian, bukan memberikan alasan jalan raya di sini adalah tanggungjawab pihak lain atau tiada peruntukan," ujarnya lagi.

